JURUTERA BAHAGIAN
(DIVISIONAL ENGINEER)
PANTAI BARAT TENGAH
Jabatan Kerja Raya Bandaraya
88863 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Telefon : 088-244577
Faks : 088-256724
LamanWeb : www.jkr.sabah.gov.my

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : JKR.KBU.DL/415/Jld.12 (37)
Tarikh : 12 Julai, 2021

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

TINDAKAN OLEH		CATATAN	
MOHD NAZHEMIRUL		SILA BINCANG	
		SEGERA	
DG UMI	✓	MAKLUMAN	
		TINDAKAN	✓
MASITAH		SILA HADIR	
		SEDIAKAN LAPORAN	
ASMAH		PEMERIKSAAN	13/7/21

PEGAWAI EKSEKUTIF
Majlis Daerah Putatan
PUTATAN
(U/p: Encik Abd. Said Bin Ombok)

Tuan,

CADANGAN PROJEK PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT NT. 213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN, SABAH.

- **Submission Of Revised Building Plan**

NO. LUKISAN : 200413/JBPMPUT/M-01 REV.1
PEMOHON/PEMILIK : MOHD AFZAL BIN MAT KIAR

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak pejabat ini tiada halangan ke atas cadangan struktur bangunan tersebut. Walaubagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk kepada ulasan lanjut daripada agensi kerajaan yang berkaitan. Selain itu, perlu mematuhi *''Building Setback – For proposed development adjacent to local distributor roads (minor roads), building setback from JKR Road Reserve boundery should be 6 meters minimum respectively. This should be clearly indicated on the site plan''.*

MAJLIS DAERAH PUTATAN

TINDAKAN OLEH:		CATATAN	
PPE		SILA KOMEN	
PEN A/C		SILA KAJI	
PEN JURUTERA	✓	SILA HADIR	
PPKP		SILA BINCANG	
PPPK		UNTUK TINDAKAN	✓
PPP		UNTUK MAKLUMAN	
PTK		UNTUK MESYUARAT	
PT		SEGERA	
PA			
TARIKH DITERIMA		TARIKH DIJAWAB	6/8/2021
ULASAN			

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(MOHD HARDY BIN LAIDIN @ SAIDIN)
JURUTERA BAHAGIAN
Bahagian Pantai Barat Tengah
Jabatan Kerja Raya, Kota Kinabalu.
b/p : Pengarah Kerja Raya Sabah.

05 AUG 2021

BJT/ks

MAJLIS DAERAH PUTATAN SABAH MALAYSIA 05/08

" SABAH MAJU JAYA"

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR
Aras 4, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS
88450 KOTA KINABALU
SABAH

Tel : 088-488166
Faks : 088-488177
Laman Web : http://www.doe.gov.my

Rujukan Tuan: MDPTN(D) : 200-0/8(2020)(01)
Rujukan Kami: ASSH(B)91/110/907/213(08)
Tarikh : 10 Februari 2021

RECEIVED 0 8 MAR 2021

Pegawai Eksekutif
Majlis Daerah Putatan
Bangunan Mini Dewan
Pejabat Daerah Putatan
Jalan Bengkel JKR – Pasir Putih
88200 PUTATAN

(Tel / Fax : 088 – 772813 / 772825)

Tuan,

ULASAN DAN INPUT TEKNIKAL BAGI AKTIVITI CADANGAN PROJEK PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT NT.213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN, SABAH

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara yang disebutkan di atas dan surat tuan yang bertarikh 16 November 2020 yang diterima oleh Jabatan ini pada 08 Februari 2021 juga adalah berkaitan.

2. Selaras dengan peruntukan kuasa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, ulasan Jabatan ini adalah seperti berikut :-

2.1 Aktiviti pembangunan berkenaan hendaklah terhad kepada kawasan pembangunan di **Lot NT.213059771;**

2.2 **Pemberitahuan Bertulis** hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling terlebih dahulu dalam tempoh **tiga puluh (30) hari sebelum sebarang pemasangan Alat Pembakaran Bahanapi (APB) seperti janakuasa termasuk *stand-by generator set*** dan **Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU)** seperti *bagfilter* dalam *batching plant*. Sebarang pelepasan dari peralatan yang disebutkan di atas hendaklah **mematuhi sepenuhnya nilai batas dan standard teknikal yang ditetapkan di Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 2014**;

2.3 **Sebarang pembuangan atau pelepasan kumbahan** daripada tapak projek yang mempunyai bilangan penduduk setara 150 atau lebih (≥ 150 P.E.) ke alam sekeliling **hendaklah mematuhi syarat-syarat dan had pelepasan yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009** termasuklah **Pemberitahuan Bertulis** bagi pembinaan **Loji Pengolahan Kumbahan** ***(Sewage Treatment Plant)*** dan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini dalam tempoh **tiga puluh (30) hari sebelum pembinaan**;

2.4 **Paras bunyi bising** hendaklah mematuhi **"Guidelines For Environmental Noise Limits and Control, Third edition, 2019"** yang diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar;

2.5 **Buangan terjadual** seperti gris, minyak terpakai dan minyak pelincir yang terhasil sepanjang pelaksanaan projek termasuk juga sisa klinikal dari operasi klinik **hendaklah dikendalikan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005** di mana :-

2.5.1 Pengeluaran buangan terjadual hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling secara bertulis melalui borang pemberitahuan yang ditetapkan;

2.5.2 Buangan Terjadual hendaklah distor dalam bekas yang kukuh dan dapat mencegah dari tumpah atau bocor ke alam sekeliling serta dilabel untuk pengenalan dan amaran;

2.5.3 Kawasan penstoran hendaklah direkabentuk, dibina dan diselenggara dengan baik untuk mencegah buangan terjadual tumpah atau bocor ke alam sekeliling. Benteng konkrit hendaklah dibina di sekeliling tangki-tangki simpanan minyak untuk mengawal sebarang tumpahan dan berupaya menampung sekurang-kurangnya 110% kandungan tangki terbesar di dalam benteng berkenaan. Tapak letak tangki hendaklah diperbuat daripada konkrit dan kemudahan untuk mengepam bahan yang tumpah hendaklah disediakan;

2.5.4 Rekod inventori mengenai maklumat yang distor atau dilupus hendaklah disediakan mengikut Jadual Kelima dan dikemaskini pada setiap masa.

2.5.5 Buangan terjadual hanya boleh dilupuskan di premis yang ditetapkan (yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar) sahaja;

2.5.6 Mendaftar dan menggunakan perkhidmatan atas talian (*online system*) Electronic Scheduled Waste Information System (eSWIS) bagi pemberitahuan dan inventori pengeluaran Buangan Terjadual yang dihasilkan di premis.

2.6 **Pembakaran terbuka sisa binaan adalah dilarang sama sekali** di bawah **Seksyen 29(A)(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974**;

2.7 Penggunaan **bahan-bahan refrigeran yang merbahaya** kepada alam sekeliling sebagai refrigeran dalam mana-mana pemasangan baru sesuatu pendingin atau sistem penyejukan seperti yang dinyatakan di bawah **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999** adalah dilarang; dan

2.8 **Sistem pengurusan sisa pepejal yang baik perlu diamalkan pada setiap masa** dan sisa pepejal hendaklah dikumpulkan untuk dikitar semula atau dilupuskan di tempat yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

3. Kerjasama tuan di dalam memastikan kualiti alam sekitar kita sentiasa terpelihara adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(YARAS BIN HJ. YUSUP)
Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan)
b.p. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah

ASSH(B)91/110/907/213(08)
10 Februari 2021

s.k.

1. Pengarah Urusan
   Asalim Omar Architect
   F-27-1, Royal Plaza Putatan
   KM 11.2, Jalan Putatan
   88200 PUTATAN

   Faks : 088 -761752

2. Penguasa Kanan Bomba II
   Bahagian Pembangunan
   Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
   Tingkat 4, Lebuh Wawasan, Presint 7
   62250 PUTRAJAYA

SABAH ELECTRICITY SDN. BHD. (462872-W)

Ibu Pejabat
Wisma SESB, Jalan Tunku Abdul Rahman
88673 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
www.sesb.com.my

CERTIFIED TO ISO 9001-2015
CERT. NO.: QMS 02054

Rujukan Kami: SESB/KPKK/100-12(20)/10
Rujukan Tuan: MDPTN(D):200-0/8(2020)(01)

Tarikh: 7 Disember 2020

MAJLIS DAERAH PUTATAN,
Dewan Mini,
Pejabat Daerah Putatan,
88200 Putatan.
Tel: 088-772815/816

Fax: 088-772825

Tuan,

CADANGAN PROJEK PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT NT.213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN, SABAH
Drawing No : 200413/JBPMPUT/M-01
Pemohon/ Pemilik : MOHD AFZAL BIN MAT KIAR

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Untuk makluman pihak tuan, pihak kami tiada halangan dengan cadangan pembangunan ini jika kehendak maksima yang dipohon adalah 144kW seperti yang dibincangkan dalam mesyuarat pra-runding sebelum ini. Berikut dilampirkan surat kami terdahulu ruj: SESB/KPKK/100-15(19)/75 bertarikh 17hb Jun 2019 dan SESB/KPKK/100-13920)/67 bertarikh 6hb Mei 2020 untuk rujukan pihak tuan.

Walaubagaimanapun, jika penambahan beban ini melibatkan kerja-kerja menaiktaraf ke atas pencawang sediada terdekat, kos tersebut akan dimasukkan dalam kos caj sambungan pengguna permohonan bekalan elektrik.

Sila ambil maklum juga bahawa pihak pemaju adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan izinlalu jika melibatkan izinlalu pemilik tanah dan pihak berkuasa tempatan sebelum bekalan dapat disalurkan ke pembangunan ini.

Berikut merupakan ulasan-ulasan lain yang perlu dipatuhi oleh pihak pemaju/pemula:

I. Kesemua laluan kabel hendaklah ditandakan dalam pelan lukisan.

II. Pemaju perlu melantik juruperunding untuk memohon bekalan ke permis tersebut dan menyediakan maklumat berikut:
- Jumlah sambungan beban
- Tarikh permulaan dan penyiapan projek
- Pelan pembangunan secara berperingkat (*Jika berkenaan*)
- Tarikh bekalan dikehendaki

III. Merujuk kepada pelan pembangunan yang dikemukakan, jika terdapat pepasangan SESB yang perlu dipindahkan semua kos pemindahan pepasangan SESB tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.

IV. Caj sambungan pengguna perlu ditanggung sepenuhnya oleh pemaju. Pihak pemaju juga perlu melaksanakan skop kerja Horizontal Directional Drilling (HDD) jika diperlukan oleh pihak berkuasa tempatan. Kos HDD ditanggung sepenuhnya oleh pemaju.

CADANGAN PROJEK PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT NT.213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN, SABAH
Drawing No : 200413/JBPMPUT/M-01
Pemohon/ Pemilik : MOHD AFZAL BIN MAT KIAR

V. *Utility mapping* dan *survey plan* juga perlu ditanggung sepenuhnya dan dilaksanakan oleh pihak pemaju. Dokumen tersebut perlu diserahkan kepada pihak SESB semasa urusan permohonan bekalan elektrik.

VI. Pemaju perlu mematuhi semua keperluan lain yang berkaitan dalam syarat-syarat umum seperti yang dilampirkan.

VII. Ulasan pelan pembangunan ini hanya sah selama 2 (dua) tahun dari tarikh surat ini.

Pihak Sabah Electricity Sdn Bhd tiada halangan untuk membekalkan bekalan ke pembangunan tersebut jika semua keperluan dan syarat-syarat umum yang dilampirkan dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

"BERSAMA MEMACU PEMBANGUNAN NEGERI SABAH"
SESB MAJU TANPA RASUAH

(Ir. YUSMIR YUSOP)
PENGURUS ZON KANAN
ZON METRO/KPKK
SABAH ELECTRICITY SDN BHD
ym/

sk.
Alasim Omar Architect (email: alasim.architect@gmail.com)
Pengurus Besar Pembahagian
Ketua Jurutera Perancangan dan Projek Pembahagian

Lampiran:
1) SESB/KPKK/100-15(19)/75 bertarikh 17hb Jun 2019
2) SESB/KPKK/100-13920)/67 bertarikh 6hb Mei 2020
3) Syarat-syarat umum

PEJABAT KESIHATAN KAWASAN PENAMPANG
LOT 13 A-2, PUSAT DAGANGAN DONGGONGON,
PEKAN DONGGONGON,
89500 PENAMPANG, SABAH
Tel: 088-722017, 722624, 722857 Fax: 088-723531

JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH

Rujukan Tuan : MDPTN: (B)200-0/8(2020)(01)
Rujukan Kami : PKDP/KPAS/09/01/58
Tarikh : 26 Nov 2020

Majlis Derah Putatan
Bangunan Mini Dewan
Pejabat Daerah Putatan
Jalan Bengkel JKR-Pasir Putih
88200 Putatan, Sabah Malaysia.

Tuan,

CADANGAN PROJEK PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT NT. 213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN SABAH.
PEMILIK : MOHD. AFZAL BIN MAT KIAR

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Pelan bangunan di atas telah disemak dan pejabat ini **TIADA HALANGAN** ke atas projek yang dikemukakan dengan syarat pemilik/pemaju dikehendaki mematuhi perkara di bawah:

2.1 Pemilik/pemaju diingatkan agar sentiasa memastikan serta meningkatkan mutu kebersihan premis sepanjang proses pembinaan dijalankan agar tidak wujud tempat pembiakan nyamuk Aedes (Pembawa Penyakit Demam Denggi dan Demam Denggi Berdarah). Pegawai dari jabatan ini akan menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa dan sekiranya didapati wujudnya larva Aedes maka pemilik/pemaju boleh dikompaun tidak kurang RM500 di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

3. Pihak kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perubahan atau sebarang kerja-kerja penambahan yang dijalankan tanpa pemberitahuan atau di luar spesifikasi pelan yang telah dikemukakan kepada pihak kami.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. OMAR KWANG KUGAN) *MMC NO : 50415*
Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Putatan.

s.k Fail

ahj2020

MAJLIS DAERAH PUTATAN

TINDAKAN OLEH:		CATATAN	
PPE		SILA KOMEN	
PEN A/C		SILA URUS	
PEN JURUTERA	✓	SILA JAWAP	
PPKP		SILA HADIR	
PPPK		UNTUK TINDAKAN	✓
PPP		UNTUK MAKLUMAN	
PTK		UNTUK MESYUARAT	
PT		SEGERA	
PA			
TARIKH DITERIMA		TANDATANGAN	
ULASAN			

10/12/2020

KESIHATAN SEPANJANG HAYAT, KUALITI SEPANJANG MASA

PEJABAT KESIHATAN KAWASAN PENAMPANG
LOT 13 A-2, PUSAT DAGANGAN DONGGONGON,
PEKAN DONGGONGON,
89500 PENAMPANG, SABAH
Tel: 088-722017, 722624, 722857 Fax: 088-723531

Rujukan Tuan : MDPTN: (D)200-0/8(2020)(01)
Rujukan Kami : PKDP/KPAS/09/01/58
Tarikh : 26 Nov 2020

Majlis Derah Putatan
Bangunan Mini Dewan
Pejabat Daerah Putatan
Jalan Bengkel JKR-Pasir Putih
88200 Putatan, Sabah Malaysia.

Tuan,

CADANGAN PROJEK PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT NT. 213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN SABAH.
PEMILIK : MOHD. AFZAL BIN MAT KIAR

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Pelan pembangunan di atas telah disemak dan pejabat ini **TIADA HALANGAN** ke atas projek yang dikemukakan dengan syarat pemilik/pemaju dikehendaki mematuhi perkara di bawah:

2.1 Pemilik/pemaju diingatkan agar sentiasa memastikan serta meningkatkan mutu kebersihan premis sepanjang proses pembinaan dijalankan agar tidak wujud tempat pembiakan nyamuk Aedes (Pembawa Penyakit Demam Denggi dan Demam Denggi Berdarah). Pegawai dari jabatan ini akan menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa dan sekiranya didapati wujudnya larva Aedes maka pemilik/pemaju boleh dikompaun tidak kurang RM500 di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

3. Pihak kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perubahan atau sebarang kerja-kerja penambahan yang dijalankan tanpa pemberitahuan atau di luar spesifikasi pelan yang telah dikemukakan kepada pihak kami.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. OMAR KWANG KUGAN) *MMC NO : 50415*
Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Putatan.

s.k Fail

ahj2020

MAJLIS DAERAH PUTATAN

TINDAKAN OLEH:		CATATAN	
PPE		SILA KOMEN	
PEN A/C		SILA URUS	
PEN JURUTERA	✓	SILA JAWAP	
PPKP		SILA HADIR	
PPPK		SILA SINGKAT	
PPP		UNTUK TINDAKAN	✓
PTK		UNTUK MAKLUMAN	
PT		UNTUK PERSETUJUAN	
PA		SEGERA	
TARIKH DITERIMA		TANDATANGAN	
ULASAN			

MAJLIS DAERAH PUTATAN SABAH MALAYSIA

10/12/2020

IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA NEGERI SABAH
Jalan Lintas, Likas
Beg Berkunci 30
88990 KOTA KINABALU.

Telefon : 088-422873, 422871
088-422879, 422817
Faks : 088-422742
Laman Web : www.bombasabah.gov.my
E-mail : 999@bombasabah.gov.my

Ruj. Tuan : AOA/BBPut/Bomba1
Ruj. Kami : JBPM/SB/BKK:700-2/1/2/623(4)
Tarikh : 13 Ogos 2020

ALASIM OMAR ARCHITECT
F-27-1, Block F, 1st Floor,
Royal Plaza Putatan, Km 11.2, Jalan Putatan
88200 Kota Kinabalu, SABAH

RECEIVED 0 2 SEP 2020

Tuan,

Pelan Bangunan

CADANGAN PROJEK PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT N.T. 213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN, SABAH.

Merujuk kepada surat tuan bertarikh 06 Ogos 2020 berhubung perkara diatas adalah dirujuk. Bersama – sama ini dikembalikan **(2)** salinan pelan yang telah disahkan untuk tindakan tuan selanjutnya. Manakala **(1)** salinan lagi untuk rekod jabatan ini.

2. Bersama-sama ini juga dilampirkan **Kehendak-kehendak kelengkapan menentang kebakaran atau pepasangan keselamatan kebakaran yang perlu dipatuhi oleh pihak tuan bagi projek di atas.**

3. Dengan ini pihak tuan dikehendaki hadir ke pejabat ini untuk mengambil pelan berkenaan. Sekiranya pelan ini tidak diambil dalam masa 14 hari dari tarikh surat ini, pihak jabatan ini tidak akan bertanggungjawab diatas sebarang masalah yang timbul

Sekian dan terima kasih

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,

(JEMROS BIN OLIN)
Penolong Pengarah,
Bahagian Keselamatan Kebakaran,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
NEGERI SABAH

Sk. Ketua Zon Kota Kinabalu, JBPM Negeri Sabah
Majlis Daerah Putatan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Bahagian Pembangunan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
Fail

NO RUJUKAN: JBPM/SB/BKK: 700-2/1/2/623

CADANGAN PROJEK PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT N.T. 213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN, SABAH.

Pelan Tapak

1. Adakan 2 buah pili bomba jenis tiang dua hala dengan pengeluar air sebanyak 1135 liter seminit bagi setiap pili bomba sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.
2. Saiz paip air bagi saluran pili bomba adalah tidak kurang daripada 6 inci garis pusat.
3. Penempatan/pemasangan pili bomba adalah tidak melebihi 2 meter daripada tepi jalanraya, tidak terhalang dan terlalu dekat dengan bangunan.
4. Paip-paip yang digunakan untuk sistem pili bomba hendaklah dari jenis G.I. kelas 'C' atau 'Steel Line Cement Pipe', Fitting' yang digunakan untuk jenis paip-paip tersebut hendaklah dibuat daripada 'Wrought Steel'.
5. Keceruan jalan akses perkakas bomba hendaklah tidak kurang 1:15
6. Adakan jalan masuk perkakas bomba (access road) dengan kelebaran tidak kurang 6 meter yang boleh menanggung beban 30 tan sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.
7. Ketinggian kelegaan hendaklah tidak kurang daripada 5/4.5 meter.

Kehendak-kehendak Am

1. Semua pendawaian elektrik bagi sistem kecemasan hendaklah dipasang di dalam Konduit logam atau daripada kabel yang mempunyai penebat mineral tahan api. Pemasangan hendaklah sepanjang kawasan yang paling kurang risiko kebakarannya dan mematuhi .
2. Semua elemen struktur hendaklah mempunyai tempoh ketahanan api mengikut UuKBS 1984.
3. Semua papan tanda keselamatan kebakaran hendaklah mematuhi MS 982,1985.
4. Adakan unit alat pemadam api yang bersesuaian menurut MS1539:part 1 :2002 sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.
5. Adakan lampu tanda 'KELUAR' kecemasan yang menggunakan dua kuasa karan seperti mana yang ditandakan di dalam pelan . lampu –lampu tersebut hendaklah daripada jenis-jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba Dan penyelamat Malaysia .
6. Adakan lampu kecemasan yang menggunakan dua kuasa karan sepertimana yang ditandakan di dalam pelan .Lampu-lampu tersebut hendaklah dari jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan penyelamat Malaysia .
   -DC OR (BATTERY/GENSET)
7. Penggunaan siling bangunan hendaklah menepati kehendak-kehandak Jadual kelapan UuKBS 1984
8. Adakan pintu rintangan api satu jam/ dua jam sepertimana yang ditandakan di dalam pelan .pemasangannya hendaklah tertutup sendiri
9. Adakan dinding pemetakan (compartment wall) setebal 112 mm /225mm batu - bata yang dibina sehingga paras bawah bumbung /lantai sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.

10. Adakan 'Graphic Design of Floor Plan' berlatarbelakang warna putih yang menunjukkan tangga keselamatan, laluan-laluan keselamatan, jalan-jalan keluar dan kedudukan alat-alat pencegah kebakaran. Penempatannya hendaklah di tempat yang mudah dilihat.

Peringatan

1. Segala syarat-syarat yang dikemukakan adlah tertakluk kepada rekabentuk dan kegunaan bangunan tersebut . Sekiranya terdapat sebarang perubahan yang dilakukan ke atas rekabentuk atau kegunaannya seperti yang dicatatan di atas pelan , maka hendaklah dirujuk ke Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia untuk dikaji semula.
2. Segala pemilihan bahan dan penggunaannya yang berkaitan dengan keselamatan kebakaran bagi projek cadangan serta sistem pencegahan kebakaran hendaklah mematuhi UuKBS 1984 dan peraturan –peraturan yang diterima sahaja yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia .
3. Pengesahan pelan ini adalah tidak tertakluk kepada penyimpanan, penggunaan , pemerosesan dan penghasilan bahan berbahaya atau kimia berbahaya. Sekiranya terdapat sebarang penyimpanan , penggunaan pemerosesan dan penghasilan bahan berbahaya atau kimia berbahaya setelah pelan disahkan maka pelan bangunan tersebut hendaklah dirujuk kembali ke Jabatan Bomba Dan penyelamat Malaysia untuk dikaji semula .
4. Pelan lukisan dan pengiraan bagi semua pemasangan tetap hendaklah dikemukan ke Jabatan Bomba Dan penyelamat Malaysia. Jumlah Pelan-pelan yang dikemukakan hendaklah tidak kurang dua perenggu.
5. Mana-mana premis yang mengendalikan , memproses atau menyimpan bahan-bahan bahaya hendaklah diadakan tanda khas mengikut simbol ' Hazchem code' . Tanda –tanda ini hendaklah mudah dilihat .

(JEMROS BIN OLIN)
Penolong Pengarah,
Bahagian Keselamatan Kebakaran,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
NEGERI SABAH.

JABATAN TANAH DAN UKUR
(LANDS AND SURVEYS DEPARTMENT)
PANTAI BARAT SELATAN
88576 KOTA KINABALU, MALAYSIA
TELEFON: 088-527655/ 527649
FAX: 088-413706

Bil Tuan : MDPTN(D):200-0/8(2020)/(01)
Bil. Kami : JUD.PB(S):D(13)-26(39)/13/(JB/...) **Tarikh : 22 Disember 2020**

Pegawai Eksekutif
Majlis Daerah Putatan,
Putatan

Tuan,

CADANGAN PROJEK PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT N.T. 213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN SABAH.
DWG. NO : 200413/JBPMPUT/M-01

Dengan segala hormatnya, surat tuan bil. ***MDPTN(D):200-0/8(2020)/(01)*** bertarikh ***16 November, 2020*** adalah dirujuk.

2. Ulasan Pejabat ini mengenai perkara di atas adalah seperti berikut:

a) Pengesahan pemilik tanah, syer dan syarat guna tanah hendaklah diperolehi dari Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Putatan ataupun boleh membuat carian rasmi geran tanah dari Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Putatan untuk pengesahan perkara di atas.

b) Kawasan cadangan adalah termasuk dalam lingkungan Had Galangan antara 160 kaki (Obstacle Clearance Limit).

c) Didapati keseluruhan kawasan termasuk dalam Projek Pembinaan Balai Bomba di Putatan melalui LS.2127.1.54 *(dwg. ref. 2127.1.54.A01.008)*.

d) Sebagai makluman tuan lagi, sebahagian kawasan NT. 213059771 juga terlibat dengan cadangan pengambilan tanah untuk Projek Naiktaraf Jalan Kg. Sailin – Kg. Imbaan – Kg. Ulu Putatan, Penampang. Sila rujuk Jabatan Kerja Raya untuk cadangan pelan jajaran jalan.

e) Semua jarak dan nombor tanda sempadan hendaklah mematuhi pelan ukur yang telah diluluskan.

f) Permohonan kebenaran pengeluaran RSP hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Ukur untuk pemprosesan dan pertimbangan selanjutnya sekiranya pelan cadangan ini diluluskan.

Sekian. Terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA
SABAH MAJU JAYA

Saya yang menurut perintah,

(Ahmad Shah Bin A. Kallon)
Jurukur Daerah Bahagian Pantai Barat Selatan,
KOTA KINABALU

MAJLIS DAERAH PUTATAN			
TINDAKAN OLEH:		CATATAN	
PPE		SILA KOMEN	
PEN A/C		SILA URUS	
PEN JURUTERA		SILA JAWAP	
		SILA HADIR	
PPKP		SILA BINCANG	
PPPK		UNTUK TINDAKAN	✓
PPP		UNTUK MAKLUMAN	
PTK		UNTUK MESYUARAT	
PT		SEGERA	
PA			
TARIKH TERIMA: 07 JAN 2021		TANDATANGAN	7/1/2021
ULASAN			

7/1/21

JABATAN AIR NEGERI SABAH
JURUTERA AIR BAHAGIAN
JABATAN AIR KOTA KINABALU,
PETI SURAT NO. 14677,
88853 KOTA KINABALU.

Telefon: 088-717070; Faks: 088-713522

Laman Web: www.sabah.gov.my/air

No.Rujukan kami:JAN.KK:600-1/(XI)/403 -4 Tarikh:18 Februari,21

Perunding Ideal,
P.O.box 21749,
88775 Luyang,Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia

Tuan,

CADANGAN PROJEK PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT NT.213059771,JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN,DAERAH PUTATAN,SABAH
PEMILIK:JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA.
RUJ: PI-393/GW/O8 BERTARIKH: 8 FEBRUARI,2021.
NO.LUKISAN: PI-393/WS/001-WATER SUPPLY LAYOUT PLAN
PI-393/WS/001-WATER SUPPLY DETAIL

Dengan hormatnya perkara yang tersebut diatas adalah dirujuk.

2. Pelan cadangan sistem retikulasi bekalan air yang dikemukakan telahpun diperiksa berikut adalah ulasan Jabatan Air Kota Kinabalu:

a. Dicadangakan pengunaan sesalur paip air dari jenis DI (ductile Iron) atau jenis paip plastik yang diluluskan serta berdaftar dengan Jabatan Air Negeri Sabah.
b. Kemukakan anggaran pengunaan bekalan air harian.
c. Sesalur paip air selepas meter air juga dicadangkan dari jenis DI (ductile Iron) atau jenis paip plastik .

Sekian dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah.

(CHEE CHUN CHIEH)
JURUTERA AIR BAHAGIAN
JABATAN AIR, KOTA KINABALU.

Thm

"SABAH MAJU JAYA"

Rujukan : JPBW: 21/12/60 (73)
Tarikh : 19 JANUARI 2021

Pegawai Eksekutif,
Majlis Daerah Putatan,
Bangunan Mini Dewan,
Pejabat Daerah Putatan
Jalan Bengkel JKR-Pasir Putih,
88200 PUTATAN

Tuan,

CADANGAN PROJEK PEMBINAN PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT N.T. 213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN, SABAH
- **SUBMISSION OF BUILDING PLAN**
Drawing No : 200413/JBPMPUT/M-01
Pemohon/Pemilik: MOHD AFZAL BIN MAT KIAR

Dengan hormatnya, saya adalah diarahkan untuk merujuk kepada surat tuan bernombor rujukan MDPTN:(B):200-0/8(2020)/(01) bertarikh 16 November 2020 mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan kepada tuan bahawa sebelum komen teknikal diberikan kepada pelan bangunan di atas, pelan pembangunan untuk cadangan pembangunan di atas haruslah diluluskan dan diendos terlebih dahulu oleh pihak Majlis.

Sekian dan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(CAROLYN C. TAY)
b.p. Pengarah,
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah,
KOTA KINABALU

MAJLIS DAERAH PUTATAN

TINDAKAN OLEH:		CATATAN	
PPE		SILA KOMEN	
PEN A/C		SILA URUS	
PEN JURUTERA	✓	SILA HADIR	
PPKP		SILA SINGKAT	
PPPK		UNTUK TINDAKAN	✓
PPP		UNTUK PERHATIAN	
PTK		UNTUK PENYUARAT	
PT		SEGERA	
PA			
TARIKH DITERIMA	04 FEB 2021	TANDATANGAN	
ULASAN			

ASMAH.
FAIL
8/2/21

Rujukan : JPBW: 21/12/60 (71)
Tarikh : 19 JANUARI 2021

Pegawai Eksekutif,
Majlis Daerah Putatan,
Bangunan Mini Dewan,
Pejabat Daerah Putatan
Jalan Bengkel JKR-Pasir Putih,
88200 PUTATAN

Tuan,

CADANGAN PROJEK PEMBINAN PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT N.T. 213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN, SABAH
- **SUBMISSION OF DEVELOPMENT PLAN**

Drawing No : 200413/JBPMPUT/M-01
Pemohon/Pemilik: MOHD AFZAL BIN MAT KIAR

Dengan hormatnya, saya adalah diarahkan untuk merujuk kepada surat tuan bernombor rujukan MDPTN (T):200-0/8(2020)/(01) bertarikh 16 November 2020 mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan kepada tuan bahawa tapak cadangan pembangunan di atas adalah termasuk dalam zon "Government Use" untuk tujuan kegunaan kerajaan sahaja menurut deraf Pelan Tempatan Putatan.

3. Sekiranya pihak Majils bersetuju dengan cadangan pembangunan di atas, komen teknikal Jabatan ini berkenaan dengan cadangan pelan pembangunan di atas adalah seperti berikut:-

i. Bukti pemilikan NT 213059771 untuk cadangan pembangunan di atas haruslah dikemukakan;

ii. Sekiranya akses masuk ke tapak cadangan pembangunan melibatkan lot tanah pemilik lain, kebenaran bertulis haruslah diperolehi;

.../2

Rujukan : JPBW: 21/12/60 (71)
Tarikh : 19 JANUARI 2021

iii. Anjakan bangunan balai bomba, kuarters, stor 1 dan 2, bilik pam, menara latihan dan rumah sampah daripada sempadan tapak haruslah minimum 6.1 meter disediakan, dinyatakan dan ditunjukkan dalam pelan;

iv. Keperluan 10% kawasan lapang untuk tapak cadangan pembangunan di atas haruslah dilandskap dengan tumbuh-tumbuhan landskap dan kemudahan-kemudahan landskap yang sesuai dan selamat;

v. Keperluan penyediaan ruang tempat letak kereta dan motorsikal haruslah dikira, disediakan, dinyatakan dan ditunjukkan dengan jelas dalam pelan;

vi. Lebar jalan dalaman haruslah minimum 6.7 meter disediakan, dinyatakan dan ditunjukkan dalam pelan;

vii. Komen daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengenai sistem saliran tapak cadangan pembangunan dan kawasan di sekitarnya haruslah diperolehi;

viii. Komen daripada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) mengenai sistem pembetungan bagi cadangan pembangunan di atas haruslah diperolehi;

ix. Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk memastikan dan mengesahkan jajaran dan kelebaran sebenar rizab jalan sediada yang terletak bersebelahan dengan tapak cadangan pembangunan di atas;

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(CAROLYN C. TAY)
b.p. Pengarah,
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah,
KOTA KINABALU
cct/

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
PENAMPANG
Tingkat Bawah
Bangunan Urusetia Kecil
W.D.T. 6
89509 Penampang
Sabah, Malaysia

Telefon : 088-711705/711963
No. Faks : 088-725407

Rujukan Kami : JPS(PPG)100-44/2/20/17(14)
Tarikh : 29 Oktober 2021

Pegawai Eksekutif
Majlis Daerah Putatan
PUTATAN

Tuan,

CADANGAN PROJEK PEMBINAAN BALAI BOMBA & KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT N.T 213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN, SABAH.
~ Submission of revised drainage and layout plan details.

Dengan hormatnya, saya ingin merujuk surat tuan berujukan MDPTN(D):200-0(2020)/8/9 yang bertarikh 25 Oktober 2021 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman tuan, laporan yang dikemukakan telah disemak dan berikut adalah beberapa maklumat yang perlu di kemukakan dan perlu diubahsuai sebelum sebarang keputusan dibuat:

i. Sila sediakan *Wier* dalam rekabentuk *Detention Pond* dan kedudukan *Trash Screen* hendaklah berada di bawah *Wier*.

ii. Sila berikan justifikasi berkenaan level dalam rekabentuk *Detention Pond* untuk *5 and 50 years ARI* adalah tidak sama seperti dalam report MSMA yang telah dikemukakan.

3. Perhatian tuan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan setinggi penghargaan.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

(IR. IRENE CHOO)
Jurutera Pengairan dan Saliran Kanan
Penampang/Kota Kinabalu
MAA/mm

MAJLIS DAERAH PUTATAN			
TINDAKAN OLEH:		CATATAN	
PPE		SILA KOMEN	
PEN A/C		SILA URUS	
PEN JURUTERA	✓	SILA JAWAP	
		SILA HADIR	
PPKP		SILA BINCANG	
PPPK		UNTUK TINDAKAN	✓
PPP		UNTUK MAKLUMAN	
PTK		UNTUK MESYUARAT	
PT		SEGERA	
PA			
TARIKH DITERIMA		TANDATANGAN	15/11/2021
		ULASAN	

MAJLIS DAERAH PUTATAN SABAH MALAYSIA
PK-0076(L1)-2017 12/11/2021

s.k. Perunding Ideal. Fax: 088-258795

"SABAH MAJU JAYA"

JAYAKAN PERKHIDMATAN SEMPURNA

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
PENAMPANG
Tingkat Satu, Bangunan Pejabat Daerah Penampang
W.D.T. 6
89509 Penampang
SABAH, MALAYSIA.

No. Telefon : 088-711705
No. Faks : 088-725407

Rujukan Kami : JPS(PPG)100-44/2/20/17(36)
Tarikh : 17 Februari 2022

Pegawai Eksekutif
Majlis Daerah Putatan
PUTATAN

Tuan,

CADANGAN PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA & KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT N.T 213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN, SABAH.
Pemilik : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
No. Lukisan : PI-393/DN/001B, PI-393/DN/003B, PI-393/DN/002A & PI-393/DN/004B

Pelan perparitan yang dikemukakan oleh pihak tuan telah diperiksa. Pejabat ini mendapati pelan perparitan tersebut mematuhi garispanduan JPS yang telah ditetapkan dan boleh diterimapakai. Walaubagaimanapun, syarat-syarat penting seperti berikut perlu dipatuhi;-

A. Pelan perparitan yang telah diluluskan haruslah digabungkan di dalam Pelan Pembangunan.

B. Pihak perunding dikehendaki untuk memastikan dan mengesahkan bahawa sistem perparitan dibina berdasarkan rekabentuk pelan perparitan yang diluluskan.

C. Pihak pemaju perlu memastikan setiap kerja operasi dan penyelenggaraan yang dinyatakan di dalam pelan perparitan agar dipraktikkan selepas cadangan pembangunan siap dilaksanakan.

3. Perhatian tuan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan setinggi penghargaan.

Sekian, terima kasih.


BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

(IR. IRENE CHOO)
Jurutera Pengairan dan Saliran Kanan
Penampang/Kota Kinabalu
MAA/mm

24 FEB 2022

MAJLIS DAERAH PUTATAN SABAH MALAYSIA

s.k. *Perunding Ideal.*
88300 Kota Kinabalu
Tel: 088-258795 *Fax: 088-258795*



umie.
Tindakan lanjut.
9/3/22.
25/2/2022

"SABAH MAJU JAYA"
JAYAKAN PERKHIDMATAN SEMPURNA